



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

 03-8870 4426

 ukk@dof.gov.my

 <http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (50)

SIARAN MEDIA

DOF KUTIP RM6.04 JUTA PERHEBAT PENGUATKUASAAN DENGAN ASET BAHARU

PUTRAJAYA, 28 November 2025 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) terus memperkukuh tindakan penguatkuasaan di seluruh negara melalui operasi bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Sepanjang tempoh 2020 hingga Oktober 2025, sejumlah RM6.04 juta berjaya dikutip melalui kompaun dan hasil lelongan sitaan. Daripada jumlah tersebut, RM4.88 juta adalah kompaun manakala RM1.16 juta merupakan hasil lelongan. DOF merekodkan kompaun tertinggi sebanyak RM2.02 juta, diikuti PDRM (RM1.94 juta) dan APMM (RM915,500), mencerminkan keberkesanan kerjasama rentas agensi dalam memperkukuh pematuhan undang-undang perikanan.

Dari segi tindakan langsung di bawah Akta Perikanan 1985, sebanyak 670 kes tangkapan direkodkan bagi tempoh Januari hingga Oktober 2025. Perak mencatat jumlah tertinggi iaitu 167 kes, diikuti Kedah dan Perlis masing-masing dengan 98 kes. Negeri lain yang turut mencatat angka ketara termasuk Pahang (73 kes), Terengganu (66 kes) dan Johor (39 kes), menggambarkan intensiti pemantauan lapangan serta ketegasan DOF dalam membanteras pencerobohan zon, penggunaan alat tangkapan tidak sah dan kesalahan perikanan yang lain. Sehingga Oktober 2025, sebanyak 3,004 pemeriksaan vesel di laut telah dijalankan, manakala 14,801 pemeriksaan di darat telah dilakukan di jeti dan pusat pendaratan ikan bagi memastikan semua aktiviti pendaratan hasil perikanan mematuhi undang-undang.

Menghadapi Monsun Timur Laut 2025/2026, DOF turut mempertingkatkan kesiapsiagaan penguatkuasaan dan pemantauan di kawasan berisiko tinggi. Jabatan turut menasihati pengusaha bot perikanan tangkapan supaya sentiasa mematuhi syarat lesen, mengelakkan operasi dalam keadaan cuaca buruk, serta memastikan aspek keselamatan, *Personal Locator Beacon* dan *Emergency Position-Indicating Radio Beacon* berada pada tahap optimum.



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION
myDOF
Penangku Perikanan

Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Haji Adnan bin Hussain berkata, DOF akan terus melaksanakan penguatkuasaan secara tegas, bersepadu dan konsisten bagi memastikan sumber perikanan negara kekal terpelihara serta tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang menyalahi undang-undang, kerana perlindungan sumber ini adalah tanggungjawab bersama demi kelestarian generasi akan datang.

Beliau turut menegaskan bahawa keupayaan penguatkuasaan Jabatan semakin meningkat dengan penambahan aset baharu.

“Pada tahun 2024, DOF menerima sepuluh (10) buah bot penguatkuasaan baharu, manakala dua belas (12) buah lagi diterima pada tahun 2025. Penambahan aset ini meningkatkan kecekapan rondaan laut, memperkukuh pemantauan, dan sekali gus mempertingkat keberkesanan pelaksanaan Akta Perikanan 1985. Aset baharu ini membolehkan tindakan lebih pantas, responsif dan menyeluruh, terutama di kawasan *hotspot* yang sering berlaku pencerobohan”, ujarnya.

Jabatan Perikanan Malaysia kekal komited memperkukuh kesiapsiagaan operasi, meningkatkan kehadiran penguat kuasa di lapangan serta memastikan tindakan berasaskan pencegahan, pemantauan berterusan dan tindakan tegas terhadap sebarang pelanggaran undang-undang.

Pautan gambar :

<https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1DiXQogo5tlYMTrfcF0VQIHOFVB3HIJM1>

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my